

# Perlis diminta fokus pertanian moden

» *Manfaat kelebihan sumber asli mineral dolomite, batu reput dan bijih timah*

Oleh Nurul Farina Nazlan  
nfarina@mediaprima.com.my

► **Kangar**

**R**aja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, mahu kerajaan negeri diterajui Menteri Besar, Azlan Man memberi tumpuan khusus kepada sektor pertanian terutama yang berasaskan teknologi moden dan bernilai tinggi bagi memastikan ekonomi Perlis dapat terus dilonjak.

Selain pertanian, baginda turut menitahkan kerajaan negeri supaya memanfaatkan kelebihan sumber asli Perlis terutama mineral dolomite atau

batu reput dan bijih timah untuk mewujudkan nilai tambah, sekali gus meningkatkan produktiviti demi meningkatkan hasil negeri.

Titah baginda, sektor pertanian perlu terus diperkasa dengan konsep pertanian moden kerana ia terbukti menjadi penyumbang kedua terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri selepas sektor perkhidmatan.

## Jadikan pertanian perniagaan

“Malah, matlamat untuk menjadikan aktiviti pertanian sebagai satu bentuk perniagaan juga perlu diteruskan supaya ia mampu menjana keuntungan berlipat kali ganda kepada golongan petani selain mengutamakan projek pertanian berorientasikan eksport.

“Beta sangat berharap supaya kerajaan negeri sentiasa mencari alternatif untuk meningkatkan taraf hidup petani supaya golongan itu dapat menikmati kehidupan lebih selesa dan bertaraf maju,” titah baginda ketika memecar duli merasmikan



Tuanku Syed Sirajuddin pada majlis Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Pertama, Sidang Dewan Undangan Negeri Perlis Yang Ke-13 di Kompleks Dewan Undangan Negeri Perlis.

(FOTO: EDZAIRI SHAMSUDDIN / BIL)

pembukaan Penggal Persidangan Pertama Dewan Undangan Negeri (DUN) Perlis Ke-13 di Kompleks DUN, di sini, semalam.

Turut berangkat mengiringi baginda ialah Raja Perempuan Perlis, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid.

Sementara itu, baginda Raja Perlis ketika titah sama turut menggesa perkhidmatan kerajaan negeri supaya berusaha melonjak sifat mesra pelabur,

sekali gus membolehkan usaha menambah pelaburan yang akan menyumbang kepada peningkatan jumlah KDNK Perlis berjalan lancar.

“Usaha promosi perlu terus dipergiatkan bagi menarik lebih banyak pelaburan sama ada dari dalam atau luar negara ke Perlis bagi memastikan sektor itu dapat terus menjadi pemangkin kepada pembangunan negeri,” titah baginda.